



## NEGERI SABAH

JPAN: 700-2/10/( 42 )

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1/2018

#### KEMUDAHAN CUTI UMRAH

#### TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2017 (Persekutuan) mengenai pelaksanaan kemudahan cuti umrah yang merupakan cuti tanpa rekod untuk pegawai perkhidmatan awam negeri yang beragama Islam menunaikan ibadah umrah sekali sepanjang tempoh perkhidmatan.

#### PELAKSANAAN

2. Pelaksanaan kemudahan Cuti Umrah adalah seperti yang berikut:-
  - a. Cuti Umrah adalah bagi maksud menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah dan ziarah di Madinah;
  - b. Cuti Umrah adalah cuti tanpa rekod yang diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam negeri yang beragama Islam dan bertaraf tetap;

- c. Cuti Umrah adalah tertakluk kepada maksimum tujuh (7) hari;
- d. Cuti Umrah adalah tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am;
- e. Perkiraan tujuh (7) hari bagi maksud ibadah umrah bermula dari tarikh penerbangan sebenar menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah dan ziarah di Madinah. Sekiranya tarikh penerbangan bermula pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am, maka perkiraan tujuh (7) hari akan bermula pada hari bekerja berikutnya;
- f. Sekiranya pegawai memerlukan tempoh melebihi tujuh (7) hari atas sebab-sebab tertentu, maka pegawai boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau Cuti Tanpa Gaji atas urusan persendirian, tertakluk pada kelayakan cuti pegawai;
- g. Cuti Umrah adalah diberikan sekali sahaja (*one-off*) sepanjang tempoh perkhidmatan, yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik. Sekiranya tempoh Cuti Umrah yang digunakan adalah kurang daripada tujuh (7) hari, baki cuti yang tidak digunakan tidak boleh dibawa ke hadapan;
- h. Permohonan Cuti Umrah yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan dokumen perjalanan bagi kelulusan Ketua Jabatan;
- i. Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira keperluan dan kepentingan perkhidmatan dalam mempertimbangkan/meluluskan permohonan kemudahan ini; dan
- j. Kemudahan Cuti Umrah hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan Pegawai Awam.

## **TARIKH KUAT KUASA**

3. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

## **PEMAKAIAN**

4. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



( TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN )

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: *08 JUN 2018*

Diedarkan kepada:

- Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Pegawai Daerah
- Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil